



Minggu Interim dilihat memberi kesan positif kepada pelajar terutama membabitkan aspek peralihan proses pembelajaran di bangku sekolah ke universiti.

## Dedah kehidupan di kampus

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

### ► Kuala Lumpur

Pelaksanaan Minggu Interim dilihat memberi kesan positif kepada pelajar terutama membabitkan aspek peralihan proses pembelajaran di bangku sekolah ke dunia pengajian di universiti.

Pelbagai modul yang disediakan pihak universiti membantu pelajar untuk membiasakan diri dengan suasana kehidupan di kampus serta mengenal pasti kecenderungan minat pelajar dalam aspek keusahawanan dan kerjaya.

Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Irfan Irshad Ariff Irshad, berkata pada mulanya beliau agak terkejut kerana perlu mengikuti Minggu Interim.

Katanya, tidak seperti universiti awam (UA) lain yang cuma mengadakan minggu orientasi biasa, UiTM mengambil inisiatif menganjurkan Minggu Interim untuk memberi pendedahan awal kepada

pelajar termasuklah mengenai sistem yang terdapat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan memberi pengenalan awal mengenai subjek Bahasa Inggeris serta Pendidikan Islam.

"Saya seronok dapat menyertai Minggu Interim kerana maklumat yang diperolehi sepanjang minggu ini membantu saya untuk lebih cepat menyiapkan tugas yang diberikan penyerasah kerana sudah biasa dengan penggunaan sistem rujukan yang terdapat di PTAR.

"Selain itu, program ini juga mengajar pelajar untuk membuat rujukan dengan betul menggunakan sistem di PTAR sekali gus mengelakkan kami daripada meniru atau menyalah hasil kerja orang lain bagi menyiapkan tugas yang diberikan," katanya.

Pelajar semester tiga yang mengikuti program Diploma Fisioterapi itu mengikuti Minggu Interim selama sebulan pada tahun lalu.

### Lebih pendedahan

Sementara itu, pelajar Diploma Teknologi Makanan, UiTM Cawangan

Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Imran Hakim Azhan, berkata Minggu Interim memberi lebih pendedahan kepada pelajar mengenai suasana belajar di kampus termasuklah cara belajar yang betul.

"Melalui program yang diadakan ini, saya mendapat maklumat mengenai kaedah belajar yang berkesan melalui modul *Study Skill* termasuklah cara menulis nota, pengurusan masa dan integriti akademik."

"Saya berharap program sebegini akan diteruskan pada masa akan datang kerana bukan saja membiasakan pelajar dengan suasana pembelajaran di kampus, tetapi memberi peluang kepada kami untuk mengenal pasti kecenderungan minat terhadap sesuatu bidang kerjaya dengan lebih awal," katanya.

Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Nurul Shahira Ubadillah, berpendapat meskipun tidak mengikuti Minggu Interim, beliau turut berpeluang belajar mengenai pengurusan masa dan mendapat pendedahan awal mengenai suasana belajar di

kampus melalui penganjuran Minggu Orientasi.

"Minggu Orientasi mungkin tidak menurus kepada modul tertentu yang dilihat membantu pelajar daripada pelbagai aspek, tetapi tetap penting kepada pelajar baharu seperti saya untuk mengenali suasana kampus dan kemudahan yang disediakan universiti," katanya.

### Sesuaikan diri

Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Tiew Yun Ling, berkata setakat ini beliau tidak berdepan dengan masalah walaupun universiti tidak menganjurkan Minggu Interim kerana Minggu Orientasi sudah cukup untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu di kampus.

"Melalui minggu orientasi yang dianjurkan, saya mendapat gambaran lebih jelas mengenai program pengajian yang diikuti malah berpeluang berkenalan dengan lebih ramai fasilitator yang sudi menghulurkan bantuan sekiranya pelajar baharu memerlukan tunjuk ajar atau bimbingan membabitkan aspek akademik atau



Imran Hakim Azhan



Nurul Shahira